



# LAPORAN TAHUNAN

# 20 23

JABATAN  
PERHUBUNGAN  
PERUSAHAAN  
MALAYSIA





**LAPORAN**  
TAHUNAN

**20**  
**23**

**JABATAN**  
**PERHUBUNGAN**  
**PERUSAHAAN**  
**MALAYSIA**

# PRAKATA



## Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Pertamanya, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT di atas kurnia-Nya dengan kejayaan menerbitkan Laporan Tahunan Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) bagi tahun 2023.

Tahun 2023 menyaksikan kecemerlangan JPPM dalam melaksanakan peranannya. Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2021-2025 (PS-KSM 2021-2025) berjaya mencatat pencapaian 100 peratus bagi keseluruhan enam (6) KPI dengan 24 *Key Performance Indicator* (KPI) berjaya dilaksanakan. Keseluruhan pencapaian cemerlang ini merangkumi KPI utama Jabatan yang telah dijalankan meliputi

“Pencapaian yang cemerlang turut ditunjukkan di dalam pencapaian memberangsangkan Pelan Strategik JPPM 2021-2025 (PS-JPPM 2021-2025) dengan 24 *Key Performance Indicator* (KPI) berjaya dilaksanakan”

projek-projek pembangunan di bawah Pelan Tindakan Keharmonian Perusahaan (PETIK) dan pelaksanaan tugas utama bidang kuasa JPPM di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177].

Saya ingin mengucapkan syabas, tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga kerja serta rakan-rakan strategik JPPM yang terlibat dalam menjayakan segala perancangan tahun 2023. Saya mengharapkan momentum sebegini dapat dikekalkan dan ditingkatkan agar kecemerlangan penyampaian perkhidmatan JPPM dapat terus diterjemah kepada peningkatan taraf ekonomi negara pada masa-masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



**KHALID BIN JALI**

Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan Malaysia



## AHLI SIDANG REDAKSI



PENAUNG  
KHALID BIN JALI



PENASIHAT  
AMINUDDIN BIN AB RAHAMAN



Koordinator  
Dr. Siti Hawa Binti  
Mohd Kasmuri



Ketua Editor  
Normawati Binti Ahmad



Editor  
Farazeta Binti  
Mohd Lani



Ahli  
Wan Fauziah  
binti Saim



Ahli  
Nor Aina Azreen Binti  
Mohamed Hisham



Ahli  
Khairunnisa'  
Binti Shariff



Ahli  
Nur Hasnifariza Binti  
Hj. Khairani



Ahli  
Sharin Imran  
Bin Bakri



Ahli  
Muhammad Ridzwan  
Bin Ramlan

# KANDUNGAN

muka surat

- 
- 1**      **BAHAGIAN 1** MAKLUMAT KORPORAT
- OBJEKTIF
  - FUNGSI UTAMA
  - PIAGAM PELANGGAN
  - CARTA ORGANISASI JPPM TAHUN 2023
  - PENGURUSAN TERTINGGI
  - PENGARAH JPP NEGERI
  - AKTA DAN PERATURAN YANG DIKUATKUASAKAN
  - AKTA DAN PERATURAN YANG BERKAITAN
  - PENGENALAN BAHAGIAN
  - PELAN STRATEGIK JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA 2021-2025
- 
- 27**     **BAHAGIAN 2** LAPORAN EKSKLUSIF
- KAJIAN LANJUTAN *INDUSTRIAL HARMONY INDEX* 2023
  - KAJIAN IMPAK *PRODUCTIVITY-LINKED WAGE SYSTEM* 2023
  - PROGRAM BICARA AMALAN TERBAIK SYARIKAT
  - PROGRAM BIMBINGAN PENINGKATAN PRODUKTIVITI DAN KEHARMONIAN PERUSAHAAN MELALUI PLWS
  - PENYELESAIAN EX-GRATIA JPPM
  - PERATURAN-PERATURAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN 2024
- 
- 43**     **BAHAGIAN 3** PENCAPAIAN AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA JPPM
- PENCAPAIAN KESELURUHAN PS-JPPM BAGI TAHUN 2023
  - PEMANTAPAN PENYELESAIAN PERTIKAIAN
    - Pengendalian Kes Representasi Pemulihan Kerja
    - Pengendalian Kes Pertikaian Perusahaan
  - MEMPERKASAKAN AKTA 177
    - Semakan Kehakiman
    - Siasatan Dan Penguatkuasaan

## MELESTARIKAN KEHARMONIAN PERUSAHAAN

*Program Co-determination*

*Lawatan Co-Determination*

Simposium Keharmonian Perusahaan Tahun 2023

Bengkel Perancangan Program PETIK Bagi Tahun 2024

Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (Productivity-Linked Wage System / PLWS)

JPPM @ Media (Promosi di Media)

Pencapaian Aktiviti Keharmonian Perusahaan

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN YANG MAPAN

Perjawatan JPPM

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023

Kursus dan Latihan Tahun 2023

Program Penajaan Melanjutkan Pelajaran

Majlis Bersama Jabatan

Prestasi Perbelanjaan Kewangan JPPM Tahun 2023

Penganugerahan Pusat Tanggungjawab Cemerlang Tahun 2023

Sorotan Program & Aktiviti JPPM Tahun 2023

## PENGUKUHAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Enforcement Management System Module-C

Penerbitan JPPM 2023

---

### **83 BAHAGIAN 4 PERCAMBAHAN MINDA**

Pekerja GIG: Tergolong Dalam Definisi Pekerja Atau Tidak?

---

### **87 BAHAGIAN 5 GALERI JPPM 2023**

Diari Korporat

Jalinan Harmoni JPPM

---

### **109 LOKASI JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN**



# BAHAGIAN 1

# MAKLUMAT

# KORPORAT

---

LAPORAN  
TAHUNAN

20  
23

JABATAN  
PERHUBUNGAN  
PERUSAHAAN  
MALAYSIA





## VISI

Mewujudkan suasana perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif dalam negara



## MISI

Menggalakkan dan mengekalkan perhubungan yang harmoni dan kondusif di antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja mereka untuk kemajuan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat



## OBJEKTIF

Untuk memupuk dan memelihara perhubungan yang harmoni di antara majikan dan pekerja serta kesatuan-kesatuan sekerja mereka bagi mewujudkan suasana perhubungan perusahaan yang aman dan tenteram dalam negara

## FUNGSI UTAMA



**Memantau** perkembangan dan arah aliran (*trends*) perhubungan perusahaan di dalam negara untuk membantu kerajaan mengkaji dasar perhubungan perusahaan negara khususnya dan dasar buruh negara amnya dari semasa ke semasa;



**Menyelaras** perhubungan di antara kesatuan-kesatuan majikan dan kesatuan-kesatuan pekerja untuk memupuk dan memelihara perhubungan kerjasama perhubungan kerjasama tiga pihak di antara kerajaan, majikan dan pekerja dalam bidang perhubungan perusahaan;



**Menggalakkan** dan membantu perjalanan perundingan kolektif (*collective bargaining*) dan *Joint Consultative Council* di tempat-tempat pekerjaan untuk mendorong amalan konsep *self-governance in industry* dan konsep musyawarah;



**Menyediakan** khidmat nasihat kepada majikan, pekerja, kesatuan majikan dan kesatuan pekerja untuk memupuk amalan perhubungan perusahaan yang baik dan sihat;



**Menyediakan** khidmat rundingan damai (*conciliation service*) untuk mencegah dan menyelesaikan pertikaian dan tindakan perusahaan;



**Mendamaikan** pertikaian yang berbangkit dari representasi pekerja untuk dipulihkan dalam pekerjaan asal mereka;



**Mengendalikan** tuntutan pengiktirafan oleh kesatuan-kesatuan sekerja; dan



**Membantu** pekerja untuk menyelesaikan masalah-masalah berbangkit dari tindakan tidak adil oleh majikan mereka.

# PIAGAM PELANGGAN

- Memberi maklumbalas kepada setiap representasi, aduan dan kes pertikaian perusahaan dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh penerimaan;

- Bertindak serta-merta ke atas semua tindakan perusahaan yang diketahui;

- Meningkatkan kesedaran mengenai hak dan obligasi di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Peraturanperaturannya kepada pelanggan.

- Memproses dan menyelesaikan tuntutan pengiktirafan mengikut peruntukan undang-undang dan peraturan setelah semua dokumen lengkap diterima;

- Melaksanakan fungsi untuk memelihara suasana perhubungan perusahaan yang harmoni, meningkatkan jalinan kerjasama tripartisme yang produktif, mesra dan berkualiti; dan


- Memulakan siasatan terhadap sebarang aduan berkenaan pelanggaran peruntukan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 bagi tujuan penguatkuasaan undangundang dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan diterima;

- Memberi khidmat nasihat kepada para pelanggan dengan prihatin dan kemesraan;

- Memberi layanan sewajarnya kepada setiap representasi / aduan yang diterima daripada pekerja / majikan / kesatuan sekerja;

- Memberikan perkhidmatan rundingan damai dengan adil dan saksama;

# CARTA ORGANISASI



**PENASIHAT UNDANG-UNDANG  
JABATAN**

PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L44  
**MOHD FARID HUZAIMI BIN  
MOHD BADERUDIN**

**BAHAGIAN KEHARMONIAN  
PERUSAHAAN**

PENGARAH GRED S48  
**SAADIAH BINTI SAAD**

**BAHAGIAN PERUNDANGAN**

PENGARAH GRED S48  
**ZAINAB BINTI KAMAR**

**BAHAGIAN  
KHIDMAT PENGURUSAN**

PENGARAH GRED M48  
**MAS RAHAINUN BINTI  
ABDUL GAFFAR**

**JPP PULAU PINANG**

PENGARAH GRED S52  
**MOHD NIZAR BIN ZAKARIA**

**JPP PERAK**

PENGARAH GRED S52  
-kosong-

**JPP N.SEMBILAN**

PENGARAH GRED S48  
**JOHANA BINTI BAKAR**

**JPP TERENGGANU**

PENGARAH GRED S48  
**HAKIMAH BINTI  
IBRAHIM**

**JPP KELANTAN**

PENGARAH GRED S48  
**SALMA BINTI  
MOHD NOR**

**JPP SABAH**

PENGARAH GRED S48  
**SHUHAIDA BINTI  
KASSIM**

**JPP SARAWAK**

PENGARAH GRED S48  
**RAHMAN BEE BINTI A  
MOHAMAD SHERIFF  
SAHAB @MOHAMAD**

Maklumat sehingga 31 Disember 2023

# PENGURUSAN TERTINGGI



▲  
PENGARAH  
BAHAGIAN PERTIKAIAN  
PERUSAHAAN  
AHMAD BADRI BIN  
JAAFAR @ ISMAIL

▲  
PENGARAH  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
DAN PENYELIDIKAN DASAR  
WALTER RAYMOND

▲  
PENGARAH  
PEMULIHAN KERJA DAN  
PENGURUSAN RUNDINGAN DAMAI  
DEDUA ANAK  
TAIM @ TIAM

▲  
KETUA PENGARAH  
KHALID BIN JALI



▲  
TIMBALAN KETUA  
PENGARAH  
AMINUDDIN BIN  
AB RAHAMAN



▲  
PENGARAH  
BAHAGIAN  
PERUNDANGAN  
ZAINAB BINTI  
KAMAR



▲  
PENGARAH  
BAHAGIAN  
KEHARMONIAN  
PERUSAHAAN  
SAADIAH BINTI SAAD



▲  
PENGARAH  
BAHAGIAN KHIDMAT  
PENGURUSAN  
MAS RAHAINUN  
BINTI ABDUL  
GAFFAR

## PENGARAH JPP NEGERI



**MOHD NIZAR BIN ZAKARIA**

Jabatan Perhubungan  
Perusahaan Pulau Pinang



**MOHD SAZALI BIN ABDUL WAHAB**

Jabatan Perhubungan  
Perusahaan Johor



**SURAIYA CH'NG BINTI ABDULLAH**

Jabatan Perhubungan  
Perusahaan Selangor



**BAHARUDDIN BIN MAMAT**

Jabatan Perhubungan  
Perusahaan Wilayah  
Persekutuan Kuala Lumpur



**RAMAKRISHNA A/L GOVINDASAMY**

Jabatan Perhubungan  
Perusahaan Perak  
(bersara pada 17 Disember 2023)



**HAKIMAH BINTI IBRAHIM**

Jabatan Perhubungan  
Perusahaan Terengganu



**RAHMAN BEE BINTI  
A.M. SHERIFF SAHAB**

Jabatan Perhubungan  
Perusahaan Sarawak



**NOR ZULHILMIE BIN  
MOHD SALLEH**

Jabatan Perhubungan  
Perusahaan Kedah / Perlis



**ROHIZAH BINTI  
MOHD RAZALI**

Jabatan Perhubungan  
Perusahaan Pahang



**JOHANA BINTI  
BAKAR**

Jabatan Perhubungan  
Perusahaan  
Negeri Sembilan



**SHUHaida BINTI  
KASSIM**

Jabatan Perhubungan  
Perusahaan Sabah



**ROSLI BIN JANTAN**

Jabatan Perhubungan  
Perusahaan Melaka



**SALMA BINTI  
MOHD NOR**

Jabatan Perhubungan  
Perusahaan Kelantan

## AKTA DAN PERATURAN YANG DIKUATKUASAKAN



Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177]



Peraturan-peraturan Perhubungan Perusahaan 2009

## AKTA DAN GARIS PANDUAN YANG BERKAITAN



Akta Kerja 1955 [Akta 265]



Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262]



Labour Ordinance (Sabah Cap. 67)



Labour Ordinance (Sarawak Cap. 76)



Code of Conduct for Industrial Harmony

# PENGENALAN BAHAGIAN

---


LAPORAN  
TAHUNAN

20  
23

JABATAN  
PERHUBUNGAN  
PERUSAHAAN  
MALAYSIA



## BAHAGIAN PERTIKAIAN PERUSAHAAN




## CARTA

### FUNGSI BAHAGIAN PERTIKAIAN PERUSAHAAN

UNIT PENGIKTIRAFAN	UNIT PERTIKAIAN & TINDAKAN PERUSAHAAN	UNIT PERJANJIAN KOLEKTIF
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengendalikan dan menyelesaikan kes-kes tuntutan pengiktirafan di bawah Seksyen 9, Akta Perhubungan Perusahaan 1967.</li> <li>• Menyiasat dan menyelesaikan isu skop yang melibatkan tuntutan pengiktirafan.</li> <li>• Menyelia dan menyelaras kes-kes tuntutan pengiktirafan dengan pejabat-pejabat negeri terbabit.</li> <li>• Memantau kes-kes tuntutan pengiktirafan.</li> <li>• Menyedia dan menyemak laporan yang dikemukakan kepada Y.B Menteri Sumber Manusia bagi mendapatkan keputusan di bawah Seksyen 9(5) Akta Perhubungan Perusahaan 1967.</li> <li>• Menyediakan draf laporan dan affidavit berhubung dengan writ of certiorari yang dikehendaki oleh Jabatan Peguam Negara.</li> <li>• Mengkaji dan menganalisis trend dalam tuntutan pengiktirafan.</li> <li>• Menyelaraskan rujukan ke JHEKS bagi isu-isu majoriti keahlian dan kelayakan kesatuan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengendalikan dan menyelesaikan kes-kes pertikaian dan tindakan perusahaan kesatuan/majikan di bawah Seksyen 18, Akta Perhubungan Perusahaan 1967.</li> <li>• Mengendalikan dan menyelesaikan aduan di bawah Seksyen 8, Akta Perhubungan Perusahaan 1967.</li> <li>• Menyelia dan menyelaras kes-kes pertikaian perusahaan dengan pejabat-pejabat negeri terbabit.</li> <li>• Mengendali, memantau dan menyiasat kes-kes tindakan perusahaan seperti mogok dan piket.</li> <li>• Menyediakan dan menyemak laporan yang dikemukakan kepada Y.B Menteri Sumber Manusia untuk mendapatkan keputusan di bawah Seksyen 26(1) atau 26 (2) Akta Perhubungan Perusahaan 1967.</li> <li>• Menyediakan draf laporan dan affidavit berhubung dengan writ of certiorari yang dikehendaki oleh Jabatan Peguam Negara.</li> <li>• Mengkaji dan menganalisis trend dalam pertikaian dan tindakan perusahaan.</li> <li>• Menyediakan laporan-laporan berkaitan pertikaian/ tindakan perusahaan/aduan dari masa ke semasa seperti mana dikehendaki oleh Ketua Pengarah/Kementerian/ Menteri.</li> <li>• Mengumpul data-data berkaitan tindakan perusahaan untuk tujuan rekod dan analisa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengendali dan menyelesaikan kes-kes Perjanjian Kolektif kesatuan / majikan.</li> <li>• Menyiasat dan menyelesaikan kes-kes melibatkan Perjanjian Kolektif</li> <li>• Menyelia dan menyelaras kes-kes Perjanjian Kolektif dengan pejabat-pejabat negeri terbabit.</li> <li>• Memantau kes-kes Perjanjian Kolektif.</li> <li>• Menyedia dan menyemak laporan yang dikemukakan kepada Y.B Menteri Sumber Manusia bagi mendapatkan keputusan di bawah Seksyen 26 (1) atau 26 (2) Akta Perhubungan Perusahaan 1967.</li> <li>• Menyediakan draf laporan dan affidavit berhubung dengan writ of certiorari yang dikehendaki oleh Jabatan Peguam Negara.</li> <li>• Mengkaji dan menganalisis trend dalam Kolektif.</li> <li>• Menyediakan laporan-laporan berkaitan Perjanjian KOLEktif dari masa ke semasa seperti mana dikehendaki oleh Ketua Pengarah / Kementerian / Menteri</li> </ul>

## BAHAGIAN PEMULIHAN KERJA DAN PENGURUSAN RUNDINGAN DAMAI





## CARTA FUNGSI

### **BAHAGIAN PEMULIHAN KERJA DAN PENGURUSAN RUNDING DAMAI**


#### UNIT REPRESENTASI PEMECATAN

- Pengurusan & Pemantauan Kes Representasi di bawah seksyen 20
- Mengendalikan kes seksyen 20 (Rundingan Damai)
- Mengeluarkan & menambahbaik Pekeliling/Panduan/SOP berkenaan pengendalian kes seksyen 20
- Mengurus dan melaporkan aktiviti Kursus/Bengkel, Executive Talk anjuran Ibu Pejabat dan Pejabat JPP Negeri
- Pengurusan Sistem EMSC dan IRIS
- Menganalisa Award Mahkamah Perusahaan
- Menguruskan Penetapan SKU/LNPT/ Pelan Strategik
- Memberi maklumbalas berhubung aduan terhadap pengendalian Rundingan Damai terhadap pegawai
- Wakil dalam Mesyuarat PLWS/IHI
- Tugas lain dari masa ke semasa

#### UNIT PENYELARAS BANTUAN & OPERASI

- Menyediakan garis panduan & menyelaras Aktiviti ADR Week di Ibu Pejabat & Negeri
- Mengendalikan kes seksyen 20 (Rundingan Damai) termasuk menguruskan kes melibatkan kedutaan
- Memberi maklumbalas pertanyaan berkenaan perkara melibatkan pemberhentian kerja dan kes seksyen 20
- Menyelaraskan dan mengeluarkan laporan aktiviti Pengaduan di Pejabat JPP Negeri
- Penyediaan input berkaitan Seksyen 20 bagi soalan Parlimen, Dasar & Antarabangsa dan Bahagian Perundangan (JR)
- Mengurus dan melupuskan fail seksyen 20/EKSA
- Menguruskan Bahan Promosi/Input Laporan Aktiviti/Tahunan/Slide
- Menguruskan data statistik seksyen 20/ pelaporan sistem EMSC/IRIS
- Wakil dalam mesyuarat Program PETIK/ Co-determination
- Tugas lain dari masa ke semasa

## BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR



## CARTA FUNGSI

### BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR


#### UNIT PENYELIDIKAN DASAR

- Merancang dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti bagi mendapatkan pengiktirafan kemahiran pegawai Jabatan melalui pelaksanaan National Occupational Skills Standard (NOSS) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
- Menyelaraskan jawapan kepada soalan-soalan langsung yang diterima melalui laman web Jabatan/SISPAA/UKK (BPA) daripada orang awam.
- Menyelaraskan penggubalan dasar Jabatan dan menyediakan kertas cadangan penstrukturan semula Jabatan.
- Menyediakan kertas-kertas makluman berkaitan perhubungan perusahaan.
- Mengendalikan hal-hal berkaitan Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan dan badan-badan lain yang melibatkan dasar Kementerian/Jabatan.
- Menyelaraskan dan mengemaskini laman web rasmi Jabatan.
- Menyelaraskan sistem Enforcement Management System Modul C (EMSC) bagi tiga modul iaitu Pemulihan Kerja, Pertikaian Perusahaan dan Tindakan Perusahaan.
- Menyelaraskan Sistem IHi2Go bagi tujuan pengumpulan dan analisis data IHI.
- Merancang, menyelaraskan, melaksanakan, menganalisa dan menerbitkan laporan Kajian Industrial Harmony Index (IHI).
- Merancang dan menyelaraskan KPI Ketua Pengarah yang diselaraskan dengan KPI YB Menteri dan Ketua Setiausaha.

#### UNIT PERANGKAAN, ANALISA DAN PENERBITAN

- Mengendalikan hal-hal berkaitan Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan dan badan-badan lain yang melibatkan dasar.
- Menguruskan hal-hal berkaitan dengan persidangan Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara).
- Menyelaraskan dan merekodkan pengumpulan borang maklumat perjanjian bersama dari Mahkamah Perusahaan.
- Menguruskan penerbitan Jabatan yang merangkumi Laporan Tahunan JPPM, Info JPPM dan Buku Statistik & Petunjuk Utama JPPM.
- Menyediakan input melibatkan laporan-laporan Jabatan untuk Laporan Tahunan Kementerian, Laporan Penerbitan Agensi Tempatan dan Antarabangsa.
- Menyediakan input mengenai perkara-perkara perhubungan perusahaan untuk badan antarabangsa seperti Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan agensi-agensi tempatan seperti Bank Negara, Khazanah Malaysia, Jabatan Perangkaan dan lain-lain.
- Menyediakan laporan-laporan berkaitan statistik pengendalian kes dari semasa ke semasa seperti dikehendaki oleh Ketua Pengarah/Kementerian atau YB Menteri.
- Menyediakan pelan strategik (business plan) dan SKT Jabatan.
- Menyelaraskan pengumpulan data dan menganalisa statistik Jabatan berkaitan aktiviti dan operasi semua Jabatan dari semua pejabat di bawah Jabatan.
- Memantau aktiviti-aktiviti semua pejabat bagi merancang dan memperkembangkan operasi jabatan.

## BAHAGIAN KEHARMONIAN PERUSAHAAN





## CARTA FUNGSI

### FUNGSI BAHAGIAN KEHARMONIAN PERUSAHAAN


#### UNIT KEHARMONIAN

- Merancang menyelaraskan, menganjurkan dan memantau program Pencegahan Awal (Lawatan Harmoni, Townhall Session with Stakeholder (TOSS), Promosi di Radio, Majlis Perundingan Bersama (Joint Consultative Committee / JCC);
- Merancang, menyelaraskan, menganjurkan dan memantau program Promosi dan Publisiti PLWS di bawah Program PETIK;
- Merancang, menyelaraskan, menganjurkan dan memantau program pembangunan kompetensi pegawai JPPM;
- Menyelenggara dan memantau Pangkalan Data MyPLWS dan Portal PLWS bersama pihak Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), mengemaskini Facebook Bahagian;
- Menyediakan sebarang input yang berkaitan dengan keharmonian perusahaan kepada pihak yang berkepentingan;
- Memberi khidmat nasihat kepada pelanggan; dan
- Bertugas di kaunter JPPM.

#### UNIT PROMOSI DAN PUBLISITI

- Membuat perancangan aktiviti tahunan dan bajet pembangunan;
- Menyediakan maklumat bajet bagi setiap permohonan Rancangan Malaysia dan Rolling Plan dan mengemaskini dalam Sistem MyProjek;
- Menyediakan unjuran anggaran perbelanjaan pembangunan bagi suku tahun
- Menyediakan maklumbalas berkaitan maklumat projek dan perbelanjaan bagi tujuan mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan
- Menyediakan input berkaitan bajet Pembangunan kepada KSM dan Unit Perancang Ekonomi;
- Merancang, menyelaraskan, menganjurkan dan memantau program promosi dan publisiti (program/bengkel/ceramah/seminar) di bawah Program Pelaksanaan PETIK dan Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS);
- Mengatur, menyelaraskan dan memantau program-program PETIK yang dilaksanakan di peringkat negeri;
- Merancang, menyelaraskan dan memantau pencapaian Sasaran Kerja Tahunan pejabat JPP Negeri;
- Menyediakan maklumat dan statistik majikan-majikan yang telah melaksanakan PLWS bagi KPI Ketua Pengarah;
- Menyediakan dokumen-dokumen program bagi tujuan pengauditan dan aktiviti penilaian inspektorat;
- Menyediakan input Pertanyaan Parlimen kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (BPPD);
- Menyediakan input kepada pihak-pihak berkepentingan (stakeholder); dan
- Memberi khidmat nasihat kepada pelanggan-pelanggan Jabatan.
- Bertugas di kaunter JPPM.


## BAHAGIAN PERUNDANGAN



## CARTA FUNGSI BAHAGIAN PERUNDANGAN

UNIT SIASATAN DAN PENDAKWAAN	UNIT SEMAKAN KEHAKIMAN DAN UNDANG-UNDANG
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ahli panel mesyuarat bagi syor keputusan Menteri di bawah Akta 177</li> <li>• Mengadakan perbincangan bersama Timbalan Pendakwaraya (TPR) berhubung kertas siasatan</li> <li>• Menguruskan kod kuada bagi Pegawai Penyiasat Jabatan</li> <li>• Memantau siasatan yang dikendalikan oleh Pegawai Penyiasat di Pejabat Negeri</li> <li>• Menyemak kertas siasatan yang dikemukakan oleh Pegawai Penyiasat di pejabat negeri sebelum disingkat kepada TPR</li> <li>• Mengurus aduan mengenai kesalahan di bawah Akta 177 dan agihan kepada pegawai penyiasat di pejabat negeri</li> <li>• Menjalankan siasatan terhadap aduan kesalahan di bawah Akta 177 dan Peraturan-peraturan Perhubungan Perusahaan 2009</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ahli panel mesyuarat bagi syor keputusan Menteri di bawah Akta 177</li> <li>• Memantau status kes-kes semakan kehakiman</li> <li>• Menyediakan pandangan undang-undang berkenaan isu-isu semasa di bawah semula Akta 177 selaras dengan perkembangan semasa</li> <li>• Menyediakan laporan bagi permohonan semakan kehakiman yang diterima untuk dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara</li> <li>• Menguruskan kes-kes semakan kehakiman yang melibatkan Jabatan</li> </ul>

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



## CARTA FUNGSI

### BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

#### CAWANGAN KEWANGAN

- Mengurus dan mengawal perbelanjaan dan mengurus perolehan Jabatan
- Menyediakan perancangan pengurusan bajet Jabatan
- Mengawas dan memantau hal-hal pengurusan kewangan jabatan
- Mengawas dan memantau urusan pentadbiran kontrak Jabatan
- Mengurus perolehan Jabatan melalui sistem
- Menyediakan perancangan perolehan Jabatan
- Memastikan setiap asset/barang stor yang diterima menepati spesifikasi yang ditetapkan, kualiti yang dipesan dan asset/ barang stor yang diterima dalam keadaan baik, sempurna dan selamat untuk digunakan
- Melaksanakan Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) dan Sistem Pengurusan Stor (SPS) di peringkat Ibu Pejabat
- Melaksanakan pengurusan aset dan stor Jabatan
- Menguruskan hal-hal berkaitan pinjaman computer dan pinjaman kenderaan
- Menguruskan perbelanjaan dan mengurus perolehan Jabatan melalui kaedah Pembelian Terus dan Sebut Harga
- Menguruskan hal-hal pengurusan kewangan Jabatan
- Menyediakan perancangan pengurusan bajet Jabatan

#### CAWANGAN PENTADBIRAN

- Menghadiri mesyuarat dan majlis-majlis rasmi di peringkat Kementerian
- Memastikan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) dan lain-lain pekeliing dipatuhi dan diambil tindakan sewajarnya
- Mengawas, memantau dan mengatur tugas dan kerja-kerja pegawai dan kakitangan
- Mengendalikan surat, surat-menyurat dan memo Jabatan
- Menghadiri mesyuarat dan menjawab aduan-aduan melalui Biro Pengaduan Awam dan Kementerian
- Menguruskan keceriaan dan kebersihan pejabat
- Memastikan hal-hal keselamatan personel, dokumen dan peralatan pejabat sentiasa terkawal dan terjamin
- Memantau mengurus dan meningkatkan keberkesanan pentadbiran pejabat
- Menguruskan keperluan-keperluan dan kemudahan-kemudahan seperti peralatan dan kenderaan pejabat
- Mengurus Kad Perakamatan Jabatan di Ibu Pejabat dan di JPN Negeri
- Pengurusan kenderaan Jabatan
- Menguruskan hal-hal majlis yang dianjurkan oleh Jabatan
- Menguruskan hal-hal logistik, urusan komunikasi korporat dan urusan tempahan bilik mesyuarat

#### UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DAN PENGURUSAN PRESTASI/TATATERTIB

- Membuat urusan prestasi dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)
- Menyelaraskan peperiksaan perkhidmatan Jabatan
- Merancang program-program latihan / bengkel / seminar / executive talk
- Menyelaraskan urusan pengisian bagi kekosongan jawatan di peringkat Jabatan
- Menjalankan audit sumber manusia peringkat Jabatan
- Menguruskan perkara-perkara pengesahan dalam lantikan, pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen
- Membuat urusan-urusan perkhidmatan dalam peristiwa permohonan pertukaran pegawai dan kakitangan, cuti dan persaraan
- Menguruskan permohonan perjalanan pegawai awam ke luar negara atas urusan perkhidmatan
- Menguruskan perkara-perkara pengesahan dalam lantikan, pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen
- Menyelaraskan segala urusan berhubung dengan HRMIS

## PELAN STRATEGIK JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA 2021-2025

JPPM mempunyai kuasa di bawah Akta 177 bagi mempromosikan dan mengekalkan keharmonian perusahaan antara majikan dan pekerja serta kesatuan sekerja mereka.

Selaras dengan visi Kementerian Sumber Manusia (KSM) sebagai peneraju pembangunan dan pengurusan sumber manusia negara, punca kuasa JPPM dibentuk berdasarkan hala tuju kerajaan di bawah Rancangan Malaysia yang kemudiannya diterjemahkan kepada program-program yang bersesuaian di bawah PS-KSM. Selanjutnya, JPPM membentuk program-program di bawah bidang kuasanya melalui PS-JPPM.

Bagi tahun 2023, JPPM memfokuskan pelaksanaan program melalui 26 petunjuk prestasi di bawah PS-JPPM 2021-2025.

## PUNCA KUASA AKTIVITI PERHUBUNGAN PERUSAHAAN



## JAJARAN RMKe-12 DAN PS-JPPM 2021-2025



## TERAS STRATEGIK JPPM 2021-2025

Pemantapan Penyelesaian  
Pertikaian

TERAS 1

Memacu Pelaksanaan Upah  
Yang dikaitkan Dengan  
Produktiviti

TERAS 4

Memperkasakan Akta  
Perhubungan Perusahaan  
1967 [Akta 177]

TERAS 2

Pembangunan Modal Insan  
Dan Pengurusan Kewangan  
Yang Mapan

TERAS 5

Melestarikan Keharmonian  
Perusahaan

TERAS 3

Pengukuhan Penyampaian  
Perkhidmatan

TERAS 6



# BAHAGIAN 2

# LAPORAN

# EKSKLUSIF

---

LAPORAN  
TAHUNAN

20  
23


JABATAN  
PERHUBUNGAN  
PERUSAHAAN  
MALAYSIA



## KAJIAN LANJUTAN INDUSTRIAL HARMONY INDEX 2023

Indeks Keharmonian Perusahaan atau *Industrial Harmony Index* (IHI) mula dibangunkan pada tahun 2014 bertujuan mengukur tahap keharmonian perusahaan

di Malaysia. Selanjutnya, ia telah ditambah baik pada tahun 2017 melalui Kajian Indeks Keharmonian Perusahaan (IHI) Merentas Industri di Malaysia.



Rajah 1: Gambaran keseluruhan sejarah IHI Nasional

Keperluan penelitian semula IHI adalah penting memandangkan pelaksanaannya telah melewati enam (6) tahun agar kandungannya seiring dengan perkembangan semasa. Justeru, Kajian Lanjutan IHI (KLIHI) pada tahun 2023 dilaksanakan bagi memenuhi tujuan ini.

KLIHI 2023 dilaksanakan melalui kaedah kualitatif menggunakan pendekatan kajian kes dengan pelaksanaan Perbincangan Kumpulan Berfokus (*Focus Group Discussion*, FGD) dalam Bengkel IHI 2023. Bengkel berkenaan meliputi enam (6) zon melibatkan 117 orang wakil syarikat, 11 orang IHI *Desk Officer* (IDO) dan 24 ahli kumpulan pakar.

## OBJEKTIF KAJIAN



Rajah 2 : Objektif KLIHI 2023

KLIHI 2023 melibatkan tiga (3) objektif dan enam (6) output sepertimana di Rajah 2. Objektif dan ringkasan *output* boleh dirujuk pada Rajah 3 hingga Rajah 8.

## OBJEKTIF 1

### PENAMBAHBAIKAN TADBIR URUS IHI

#### DAPATAN TADBIR URUS SOAL SELIDIK IHI – MAJIKAN




#### CADANGAN PENAMBAHBAIKAN TADBIR URUS SOAL SELIDIK IHI



Rajah 3 : Objektif 1 dan output KLIHI 2023

Bagi objektif 1, kajian menguji tahap kebolehlaksanaan soal selidik IHI pekerja asing. Dapatan menunjukkan sebanyak 54 peratus peserta kajian tidak bersetuju bagi pelaksanaan IHI pekerja asing manakala 46 peratus bersetuju.

### Kebolehlaksanaan Soal Selidik Pekerja Asing



Rajah 4 : Kebolehlaksanaan Soal-Selidik IHI kepada Pekerja Asing

Berdasarkan cadangan penambahbaikan tadbir urus IHI, modul IHI Self-Assesment (IHI SA) dalam kajian akan datang akan diperluaskan melalui penggunaan sistem baharu JPPM yang dinamakan Industrial Relations Information System (IRIS). Pengujian modul ini telah dilaksanakan dan hasil modul adalah penghasilan (outcome) Kad Laporan IHI dan Sijil Penarafan Syarikat Harmoni kepada majikan yang menyertai. Rajah 5 dan Rajah 6 merupakan output berkaitan garis panduan, Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedure*, SOP) IHI SA, kad laporan IHI SA dan Sijil Penarafan Syarikat Harmoni (SPSH).




Rajah 5 : Garis Panduan dan SOP IHI Self-Assessment JPPM, Majikan dan Pekerja



Rajah 6 : Kad laporan IHI dan Sijil Penarafan Syarikat Harmoni (SPSH)

Objektif kedua kajian pula untuk mengenalpasti pemberat (*weightage*) setiap dimensi instrumen IHI yang menyumbang kepada Skor IHI. Dapatan telah menghasilkan satu (1) Kerangka Asas Dimensi IHI yang menghuraikan bagaimana setiap dimensi tersebut membentuk gagasan konstruk IHI seperti di Rajah 7. Sehubungan dengan itu, formula kiraan indeks IHI yang baharu (IHI 2.0) dibangunkan menggunakan pemberat yang berbeza bagi kesemua lima (5) dimensi.



Rajah 7 : Objektif 2 KLIHI 2023

Objektif ketiga KLIHI 2023 adalah untuk mengenal pasti elemen *co-determination* sebagai amalan terbaik dari perspektif Malaysia. Hasil dapatan menunjukkan enam (6) elemen *co-determination* seperti Rajah 8 telah disahkan. Cadangan pelaksanaan *co-determination* melibatkan lima (5) fasa iaitu Fasa Pengenalan, Fasa Pembangunan, Fasa Kesedaran, Fasa Pelaksanaan dan Fasa Kawalan. Berdasarkan lima (5) fasa ini, cadangan Pelan Tindakan Pelaksanaan *Co-Determination* telah dirangka yang mengandungi lima (5) matlamat strategik dan satu (1) rangka Model Perwakilan Pekerja (rujuk Rajah 9 dan Rajah 10).

## OBJEKTIF 3


### CO-DETERMINATION

## ELEMEN-ELEMEN CO-DETERMINATION




Rajah 8 : Objektif 3 KLIHI 2023

### FASA PELAKSANAAN CO-DETERMINATION



Rajah 9 : Sasaran KLIHI 2023 berkaitan *Output Co-determination*

### MODEL PERWAKILAN PEKERJA



Rajah 10 : Model Perwakilan Pekerja hasil objektif 3 KLIHI 2023



Rajah 11 : Rumusan KLIHI 2023

Secara keseluruhannya, daripada tiga (3) objektif KLIHI 2023, 13 output telah berjaya dihasilkan seperti Rajah 11. Kesemua penemuan dan cadangan daripada KLIHI 2023 akan menjadi rujukan penting kepada JPPM dalam memperkasakan lagi pelaksanaan IHI sebagai rujukan tahap keharmonian perusahaan nasional. Keharmonian perusahaan yang baik secara tidak langsung akan menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.


KAJIAN IMPAK

**PRODUCTIVITY-LINKED WAGE SYSTEM 2023**

**IMPACT OF PLWS IMPLEMENTATION TOWARDS EMPLOYER, EMPLOYEE AND MALAYSIAN LABOUR PRODUCTIVITY**


Kajian impak PLWS bertajuk *Impact of PLWS Implementation Towards Employer, Employee and Malaysian Labour Productivity* telah dilaksanakan mulai 15 Mac hingga 15 November 2023. Kajian ini merupakan satu

program di bawah PETIK yang menasarkankan majikan dan pekerja yang berkesatuan di dalam Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan di seluruh negara.




Rajah 12 : Objektif Kajian Impak PLWS

## Metodologi kajian impak



Kajian impak ini melibatkan 592 orang pekerja dari 412 responden daripada syarikat yang berkesatuan. Pengumpulan data secara FGD dijalankan seperti berikut:



Empat (4) mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu dijalankan sepanjang tempoh kajian ini dilaksanakan. Jawatankuasa yang dilantik terdiri daripada wakil dari jabatan dan agensi di bawah KSM.

## PROGRAM BICARA AMALAN TERBAIK SYARIKAT



JPPM telah berjaya menganjurkan Program Bicara Amalan Terbaik Syarikat iaitu satu program perkongsian maklumat melalui ceramah dan forum secara *tripartite* pada 24 Ogos 2023. Program Bicara Amalan Terbaik Syarikat telah berlangsung di Hotel DoubleTree by Hilton, Putrajaya Lakeside dan telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha KSM, YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang.

Program ini merupakan salah satu inisiatif di bawah PETIK. Program yang bertemakan Memperkukuh Jalinan Kerjasama Harmoni Majikan dan Pekerja dianjurkan dengan tujuan untuk berkongsi pengetahuan, pandangan dan maklumat berkenaan amalan-amalan terbaik yang dilaksanakan oleh majikan dan kesatuan sekerja yang dapat mengekalkan keharmonian perusahaan di tempat pekerjaan. Melalui program ini, jalinan kerjasama secara *tripartite* antara kerajaan, majikan dan kesatuan sekerja dapat diperkukuh seterusnya membantu mengekalkan keharmonian perusahaan dalam kalangan pemain industri.

Pengisian program ialah ceramah berkaitan IHI Nasional 2022 yang disampaikan oleh Puan Azma binti Abdul Rahman dari JPPM. Selain itu, wakil syarikat STMicroelectronics (M) Sdn. Bhd. daripada Muar, Johor telah berkongsi amalan terbaik yang dilaksanakan di syarikat tersebut. Manakala Presiden Kesatuan Sekerja *Food Industries Employees Union* (FIEU) berkongsi pandangan amalan terbaik mewakili kalangan kesatuan.

Jabatan juga turut memberi penghargaan kepada tiga (3) syarikat diiktiraf sebagai syarikat harmoni yang dipilih daripada senarai responden yang mengambil bahagian dalam kajian IHI Nasional dan memperolehi keputusan Cemerlang. Pemilihan syarikat-syarikat ini dibuat berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Panel Pemilihan. Syarikat-syarikat yang terpilih pada kali ini adalah Unisem (M) Sdn. Bhd., Dr. Orizi Sdn. Bhd. dan Sime Darby Plantation Berhad (Ladang Welch).



Syarikat-syarikat yang menerima penghargaan ini kemudiannya turut terlibat sebagai panel dalam forum yang membicarakan amalan-amalan terbaik yang dapat meningkatkan keharmonian di tempat pekerjaan. Moderator bagi forum ini ialah Encik Ahmad Badri bin Jaafar @ Ismail, Pengarah Bahagian Pertikaian Perusahaan, JPPM.

Di samping itu, Jabatan turut mengambil kesempatan bersempena bulan

kemerdekaan untuk menyambut Hari Kebangsaan dengan bacaan ikrar dan menyanyikan lagu bertemakan kemerdekaan sambil mengibarkan bendera Malaysia.

Program ini telah menerima maklum balas positif daripada kalangan peserta yang juga mencadangkan agar program seumpama ini dianjurkan lagi pada masa hadapan dengan mempelbagaikan isu serta topik perbincangan.



## PROGRAM

# BIMBINGAN PENINGKATAN PRODUKTIVITI DAN KEHARMONIAN PERUSAHAAN MELALUI PLWS


Program Bimbingan Peningkatan Produktiviti dan Keharmonian Perusahaan melalui PLWS (BPLWS) Tahun 2023 merupakan salah satu langkah proaktif JPPM dalam melaksanakan Strategi 5 di bawah Teras 4 PETIK iaitu Pemerkasaan Dasar dan Perundangan Perburuhan bagi menggalakkan sistem upah yang berpatutan yang dikaitkan dengan produktiviti dan prestasi melalui pemantapan pelaksanaan PLWS. KSM juga telah merangka PS-KSM 2021 – 2025 yang selaras dengan tujuh (7) Teras Strategik di mana salah satunya adalah Memperbaiki Pasaran Buruh dan Pendapatan Pekerja, untuk memastikan matlamat Kemakmuran Bersama dapat dicapai.

Pelaksanaan PLWS memberi banyak manfaat kepada semua pihak melalui peningkatan

keuntungan, produktiviti dan kadar upah agar syarikat lebih berdaya saing. Ia adalah salah satu instrumen penting dan kritikal ke arah budaya berasaskan prestasi dan penghasilan produktiviti yang tinggi seterusnya dapat merealisasikan negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.

Program yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2019 berperanan sebagai projek perintis PLWS hasil kerjasama JPPM dengan Malaysia Productivity Centre (MPC) yang berjaya membimbing 15 buah syarikat dalam melaksanakan PLWS.

JPPM melaksanakan program ini menggunakan perkhidmatan penyedia latihan yang diiktiraf oleh MPC bagi menjalankan BPLWS melalui 3 fasa



Rajah 13: Ringkasan Keseluruhan Program

Pelaksanaan program terbahagi enam (6) zon iaitu Sabah, Sarawak, utara, tengah, timur dan selatan. Seramai 118 peserta daripada 68 syarikat telah menyertai Fasa 1 yang bermula pada Februari hingga Jun 2023. Sebanyak 55 syarikat pula telah berjaya menyertai program ini sehingga ke akhir Fasa 2. Sesi bimbingan secara *Virtual Training (VT)* telah diadakan pada Ogos

hingga September 2023 bagi syarikat yang berminat untuk menambahbaik pelaksanaan PLWS. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengesahan Pelaksanaan PLWS (Fasa 3) telah diadakan pada 2-3 Oktober 2023 dan 31 Oktober 2023. Kesemua peserta diberikan sijil penyertaan manakala 55 syarikat diberikan Sijil Pengesahan Pelaksanaan PLWS.

## PENYELESAIAN

### EX-GRATIA JPPM MENCAPAI NILAI LEBIH RM66 JUTA.

Pencapaian JPPM pada tahun 2023 adalah amat memberangsangkan terutamanya dalam pengendalian kes pemulihan kerja di bawah Seksyen 20, Akta 177 melalui kaedah *Alternative Disputes Resolution (ADR)*. Peratus penyelesaian keseluruhan kes adalah 83 peratus atau 4,299 kes. Jumlah ex-gratia atau pampasan pekerja yang dibayar juga meningkat dengan amat ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM66,118,376.72.

Usaha gigih pegawai-pegawai JPPM dalam membantu kedua-dua pihak majikan dan pekerja menyelesaikan kes pembuangan kerja berteraskan konsep situasi menang-menang melalui dua peringkat rundingan damai (*conciliation*) di JPP Negeri amatlah

membanggakan. Kes yang dikemukakan daripada JPP Negeri akan diselesaikan di peringkat Ibu Pejabat, JPPM. Sekiranya kes masih tidak dapat diselesaikan, kes akan dirujuk ke Mahkamah Perusahaan untuk keputusan.

Peningkatan penyelesaian kes membuktikan keberkesanan rundingan damai yang dilaksanakan oleh JPPM bagi mengekalkan hubungan harmoni di antara majikan dan pekerja. Usaha penyelesaian yang dijalankan ini telah memberi impak kepada kesejahteraan pekerja, mengurangkan tekanan kepada pihak-pihak yang bertikai serta menjimatkan kos dan masa.

## PERATURAN-PERATURAN

### PERHUBUNGAN PERUSAHAAN 2024

Pindaan Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262] telah diluluskan oleh Parlimen pada 28 November 2023. Pindaan ini selaras dengan prinsip *International Labour Organisation (ILO) Convention No. 87 (C087) – Freedom of Association and Protection of the Right to Organise* yang memperuntukkan

kebebasan berkesatuan kepada pekerja untuk menubuhkan lebih daripada satu kesatuan sekerja. Selaras dengan pindaan ini, JPPM telah mewujudkan mekanisma berhubung hak berunding tunggal di bawah seksyen 12A dan 12B, Akta 177 sekiranya terdapat lebih daripada satu kesatuan

sekerja di sesebuah tempat pekerjaan yang mewakili pekerja atau kelas pekerja yang sama.

Seksyen 12A, Akta 177 terpakai dalam keadaan sekiranya kesatuan-kesatuan sekerja yang terlibat ingin menuntut hak berunding tunggal. Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan (KPPP) apabila menerima permohonan berhubung hak berunding tunggal boleh mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menentukan permohonan tersebut atau menjalankan undi sulit bagi menentukan kesatuan sekerja yang manakah mendapat majoriti sokongan untuk mewakili mereka pekerja-pekerja dalam perundingan kolektif.

JPPM telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bagi membincangkan, memperhalusi dan mengukuhkan Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan. Peruntukan berkenaan belum dikuatkuasakan memandangkan ia berhubung kait dengan peruntukan di bawah Akta 262.







# BAHAGIAN 3

# PENCAPAIAN

# AKTIVITI-AKTIVITI

# UTAMA JPPM

---

LAPORAN  
TAHUNAN

20  
23

JABATAN  
PERHUBUNGAN  
PERUSAHAAN  
MALAYSIA



## PENCAPAIAN KESELURUHAN PS-JPPM BAGI TAHUN 2023

No. KPI	NAMA KPI	SASARAN 2023	PENCAPAIAN 2023
1.	Aduan di bawah Seksyen 8 mengenai pelanggaran hak pekerja, majikan dan kesatuan sekerja di bawah seksyen 4, 5 dan 7.	60%	82.61%
2.	Tuntutan Pengiktirafan Kesatuan Sekerja (Seksyen 9)	60%	81.03%
3.	Kapasiti (Seksyen 9(1a))	60%	99.18%
4.	Perjanjian Kolektif (Seksyen 13)	72%	75%
5.	Penyelesaian Keseluruhan Pertikaian Perusahaan (Seksyen 18)	72%	80.18%
6.	Penyelesaian Kes-Kes Pertikaian Individu (Seksyen 20)	72%	82.39%
7.	Penyediaan Pelaporan Tindakan Perusahaan (Piket / Mogok / Sekat Masuk)	100%	100%
8.	Penyediaan Afidavit Semakan Kehakiman	90%	100%
9.	Analisa Kesan Pindaan Akta 177	1	Proses pengumpulan data
10.	Penguatkuasaan Seksyen 20 ke Atas Pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun Diasingkan Saraan dan Dibebaskan (BBDSB)	90%	Ditangguhkan berikutan wujudnya isu punca kuasa
11.	Tindakan Penguatkuasaan Melengkapkan Kertas Siasatan (KS) Dalam Tempoh Masa Tiga (3) Bulan Dari Tarikh Arahan Diterima	100%	62.50%
12.	Semakan Semula Tatacara Keharmonian Perusahaan / Code of Conduct for Industrial Harmony (COC)	100%	100%
13.	Kajian Lanjutan Instrumen IHI	100%	100%
14.	Kajian Impak PLWS	100%	100%



No. KPI	NAMA KPI	SASARAN 2023	PENCAPAIAN 2023
15.	Program / Aktiviti Keharmonian Perusahaan Bersama Pemegang Taruh (Dialog Sosial/Lawatan Harmoni/ Program Petik-Program Codetermination)	3200 pelaksanaan program dan aktiviti	3,718
16.	Penglibatan Peserta Program Dan Aktiviti Keharmonian Perusahaan Bersama Pemegang Taruh (Dialog Sosial/ Lawatan Harmoni/Program Petik)	11,000 penglibatan peserta	863,390 penglibatan peserta
17.	Peratus Peningkatan Bilangan Majikan Yang Melaksanakan Plws	3.4%	3.4%
18.	Menyedia / Menyelaras Penyertaan Kursus Kepada Pegawai Jabatan	11	11
19.	Program Penajaan Melanjutkan Pelajaran	1	1
20.	Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus & Pembangunan	91%	91.58%
21.	Bilangan Pegawai Dipersijilkan di Bawah Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan ( <i>National Occupational Skills Standard / NOSS</i> )	15	Ditangguhkan kepada tahun 2024
22.	Penerbitan Aktiviti-Aktiviti Berkaitan Operasi Jabatan	5	5
23.	Pembangunan Modul Seksyen 9 Di Dalam (EMSC)	80%	100%
24.	Analisa Award Dan <i>Citation</i> Kes Mahkamah	1	Proses pengumpulan data
25.	Analisa Perjanjian Kolektif	1	1

## PEMANTAPAN PENYELESAIAN PERTIKAIAN

### PENGENDALIAN

#### KES REPRESENTASI PEMULIHAN KERJA

Pencapaian Utama Penyelesaian Kes Representasi Pemulihan Kerja Tahun 2023



#### PENYELESAIAN KES REPRESENTASI PEMULIHAN KERJA

Sekiranya seorang pekerja menganggap bahawa dirinya telah ditamatkan pekerjaan oleh majikan tanpa sebab dan alasan yang munasabah, pekerja boleh mengemukakan permohonan representasi bertujuan untuk dipulihkan semula kepada pekerjaan asal dalam tempoh 60 hari daripada tarikh penamatan kerja berlaku.

JPPM memainkan peranan penting dalam mengendalikan kes representasi pemulihan kerja selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 20 Akta 177. Berikut adalah maklumat pengendalian kes di bawah Seksyen 20 bagi tempoh 2021 hingga 2023.

Jadual 1 : Pengendalian Kes Representasi Pemulihan Kerja di Bawah Seksyen 20 Tahun 2021 hingga 2023

Perkara	2021	2022	2023
Baki Dari Tahun Sebelum	2867	1254	1304
Diterima	3684	3568	3914
Dikendalikan	6551	4822	5218
Diselesaikan	5297	3518	4299
Peratus Penyelesaian (%)	80.85	72.95	82.39
<b>Baki Bawa Ke Hadapan</b>	<b>1254</b>	<b>1304</b>	<b>919</b>

Terdapat dua (2) jenis penyelesaian di JPPM iaitu secara laporan dan rundingan damai. Kes dianggap selesai dan ditutup di peringkat pejabat JPP Negeri apabila kes berjaya diselesaikan melalui rundingan damai dan Memorandum Persetujuan (*Memorandum of Agreement, MoA*) ditandatangani serta dipatuhi oleh majikan dan perayu. Kes juga dianggap selesai di

peringkat JPP Negeri apabila laporan telah dihantar dan diterima oleh Ibu Pejabat. Laporan kes yang diterima oleh Ibu Pejabat akan melalui proses rundingan damai lanjutan bertujuan untuk menyelesaikan kes sebelum ianya dihantar ke Mahkamah Perusahaan jika tiada penyelesaian dicapai. Maklumat jenis-jenis penyelesaian adalah pada Jadual 2.

Jadual 2 : Jenis Penyelesaian Kes di Bawah Seksyen 20 Akta 177 Tahun 2021-2023

Jenis Penyelesaian	2021	2022	2023
Rundingan damai	2,443	2,256	2,806
Dirujuk ke Mahkamah Perusahaan	2,736	1,262	1,493
Tidak dirujuk ke Mahkamah Perusahaan	118	0	0
<b>Jumlah Selesai</b>	<b>5,297</b>	<b>3,518</b>	<b>4,299</b>

Merujuk kepada Jadual 2, kes-kes representasi pemulihan kerja bagi tahun 2019 hingga 2021 tertakluk kepada peruntukan sebelum pindaan Akta 177 iaitu kes boleh dirujuk atau tidak dirujuk ke Mahkamah Perusahaan melalui kuasa Menteri Sumber Manusia. Selepas pindaan Akta 177, kuasa Menteri telah dipindahkan kepada KPPP. Bagi kes-kes selepas pindaan Akta 177 seperti di Jadual 2, semua

kes yang tidak selesai di peringkat Jabatan akan dirujuk ke Mahkamah Perusahaan bagi suatu keputusan melalui proses arbitrase.

Enam (6) kategori penyelesaian secara rundingan damai meliputi pemulihan kerja, *ex-gratia*, tarik balik kes, kes ditutup atas arahan KPPP, perayu tidak hadir dan penyelesaian lain-lain seperti mana dalam Jadual 3.

Jadual 3 : Jenis Penyelesaian Secara Rundingan Damai Bagi Tahun 2021 – 2023

Jenis Penyelesaian Secara Rundingan Damai	2021	2022	2023
Pemulihan kerja	123	88	159
Ex-gratia / Pampasan	1,505	1,366	1,912
Tarik balik	608	694	531
Ditutup atas arahan KPPP	141	45	118
Perayu tidak hadir	23	8	13
Penyelesaian lain-Lain	63	63	69
<b>Jumlah Penyelesaian Kes Secara Rundingan Damai</b>	<b>2,443</b>	<b>2,256</b>	<b>2,806</b>
<b>Peratus Penyelesaian Secara Rundingan Damai</b>	<b>75.70%</b>	<b>67.99%</b>	<b>65.27%</b>

### 03 PENCAPAIAN AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA JPPM

Jumlah penyelesaian keseluruhan kes bagi tahun 2023 adalah 4,299 kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 65.27 peratus atau 2,806 bilangan kes berjaya diselesaikan melalui rundingan damai di peringkat Jabatan seperti di Jadual 3.

Jumlah pampasan penyelesaian kes secara *ex-gratia* mengikut negeri bagi tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4 : Jumlah Pampasan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2021-2023

Negeri	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
Johor	2,037,691.63	4,104,162.50	7,750,581.04
Kedah/Perlis	2,223,185.36	721,438.72	563,218.62
Kelantan	58,841.90	77,200.00	162,023.02
Melaka	850,820.64	525,393.64	940,080.15
Negeri Sembilan	480,988.00	604,593.71	619,424.84
Pahang	778,931.84	350,263.88	471,580.94
Pulau Pinang	2,332,742.96	10,532,881.11	14,321,614.08
Perak	552,198.44	601,724.44	1,370,158.16
Selangor	8,527,708.24	10,431,026.56	22,526,948.84
Terengganu	679,599.29	32,278.00	105,426.00
Sabah	814,538.02	376,859.24	503,567.27
Sarawak	1,229,570.80	684,507.31	704,584.25
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	9,462,859.72	6,448,615.06	16,079,169.51
<b>Jumlah</b>	<b>30,029,676.84</b>	<b>35,490,944.17</b>	<b>66,118,376.72</b>

Dalam kes representasi pemulihan kerja, *ex-gratia* dianggap sebagai penyelesaian kes atas prinsip menang-menang. MoA akan ditandatangani sebagai tanda penyelesaian secara harmoni. Maklumat kes representasi pemulihan kerja mengikut kategori pekerjaan, sebab penamatan dan bilangan kes mengikut negeri boleh dirujuk pada Jadual 5, Jadual 6 dan Jadual 7.

Jadual 5 : Representasi Pemulihan Kerja Mengikut Kategori Pekerjaan

Kategori Pekerjaan	2021	2022	2023
Profesional/Pengurusan dan Eksekutif	2,140	1,959	2,251
Bukan eksekutif dan lebih rendah	1,534	1,606	1,651
Ekspatriat	7	1	9
Bukan ekspatriat	3	2	3
<b>Jumlah</b>	<b>3,684</b>	<b>3,568</b>	<b>3,914</b>

Jadual 6 : Kes Representasi Pemulihan Kerja Mengikut Sebab Penamatan

Sebab Penamatan	2021	2022	2023
Salahlaku	747	700	822
Pembuangan terancang	329	378	364
Pengenepian	1,057	978	821
Tidak disahkan jawatan	105	119	173
Kontrak bertempoh tetap	143	91	101
Pemecatan mudah	624	527	712
Dipaksa letak jawatan	157	199	207
Letak jawatan secara sukarela	53	45	28
Kekecewaan kontrak	34	23	26
Persaraan	8	9	12
Gaji minimum	0	0	0
Pelaksanaan umur persaraan	1	6	3
Prestasi kerja tidak memuaskan	320	360	411
Lain-lain	106	133	234
<b>Jumlah</b>	<b>3,684</b>	<b>3,568</b>	<b>3,914</b>

Jadual 7 : Kes Representasi Pemulihan Kerja Mengikut Negeri, 2021-2023

Negeri	Bilangan Kes		
	2021	2022	2023
Johor	371	294	342
Kedah/Perlis	149	88	76
Kelantan	43	19	29
Melaka	76	50	64
Negeri Sembilan	108	141	116
Pahang	82	68	68
Pulau Pinang	226	292	503
Perak	134	141	228
Selangor	1,226	1,361	1,259
Terengganu	31	93	78
Sabah	158	90	131
Sarawak	116	71	78
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	964	860	942
<b>Jumlah</b>	<b>3,684</b>	<b>3,568</b>	<b>3,914</b>

## PROSEDUR PEMFAILAN KES MELIBATKAN SEKSYEN 20

### Situasi

Siti bekerja dengan syarikat ABC Sdn. Bhd. selama 10 tahun. Beliau telah diberikan surat penamatan kerja 24 jam tanpa sebab pada 12 Disember 2023. Siti ingin mendapatkan khidmat nasihat daripada JPPM berhubung tindakan lanjut yang boleh dibuat ke atas majikannya.


### Penyelesaian

- Pekerja yang menganggap bahawa dirinya telah diberhentikan kerja tanpa sebab dan alasan yang munasabah boleh memfailkan aduan di bawah Seksyen 20 Akta 177 iaitu tuntutan untuk dipulihkan semula ke pekerjaan asal. Aduan perlu dibuat dalam tempoh 60 hari dari tarikh pemberhentian.
- Prosedur pemfailan kes melibatkan pengisian Borang Representasi Pemulihan Kerja beserta dokumen berikut:
  - Kad pengenalan (asal dan Salinan)
  - Salinan dokumen berkaitan seperti surat penamatan kerja, kontrak perkhidmatan dan lain-lain dokumen yang berkaitan

- Mesyuarat rundingan damai akan diadakan oleh pihak JPPM. Pekerja boleh mewakili diri sendiri dalam mesyuarat rundingan damai tersebut atau diwakili oleh perwakilan yang boleh membantu. Jika memerlukan perwakilan, Borang Perwakilan perlu dilengkapkan dan dihantar ke JPPM. Perwakilan dibenarkan dari kalangan orang perseorangan kecuali peguambela atau peguamcara.
- MoA akan ditandatangani jika mesyuarat rundingan damai mencapai suatu persetujuan sama ada pengembalian semula ke jawatan asal atau bayaran pampasan / sebarang penyelesaian kes yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
- Laporan kes akan dihantar ke Ibu Pejabat JPPM sekiranya mesyuarat rundingan damai menemui jalan buntu. Ibu Pejabat akan membantu menyelesaikan kes dengan mengadakan sesi runding damai lanjutan. MoA akan ditandatangani sebagai bukti kes diselesaikan. Kes akan dirujuk ke Mahkamah Perusahaan untuk suatu keputusan jika tiada penyelesaian dicapai.

## PELAKSANAAN MINGGU ADR

Bagi meningkatkan pencapaian dan mengukuhkan kemahiran pegawai JPPM sebagai pegawai rundingan damai, program Minggu *Alternative Disputes Resolution* (ADR) yang julung kali diperkenalkan di Ibu Pejabat JPPM pada tahun 2023. Program Minggu ADR dilaksanakan dalam empat (4) fasa mulai 13 Mac hingga 3 November 2023 dapat membantu meningkatkan penyelesaian kes secara rundingan damai sekaligus memelihara keharmonian perusahaan di antara majikan dan pekerja.



Rajah 14 : Tarikh Pelaksanaan Minggu ADR



Strategi pelaksanaan Minggu ADR adalah secara mingguan melalui kaedah rundingan damai secara bersemuka, melalui telefon, e-mel dan sidang video (*video conference*). Secara amnya proses ADR bersifat kurang formal dan kurang tekanan berbanding prosiding di Mahkamah namun tidak mengabaikan prinsip kerahsiaan.

Program ini membantu menyelesaikan sebanyak 32 kes dengan jumlah penyelesaian secara memorandum persetujuan berjumlah RM1,093,380.52. Program Minggu ADR ini akan diteruskan ke peringkat JPP Negeri bagi tahun 2024.

### CERAMAH EKSEKUTIF

Pemantapan tahap kemahiran dan pengetahuan pegawai tentang ADR perlu diberi penekanan dan perhatian secara berterusan. Dengan kemahiran dan pengetahuan yang ada, pegawai dapat mengendalikan rundingan damai dengan berkesan dan seterusnya meningkatkan penyelesaian kes pemulihan kerja di bawah Seksyen 20 Akta 177.

Bahagian Pemulihan Kerja dan Pengurusan Rundingan Damai telah menganjurkan sebanyak enam (6) sesi *Executive Talk* yang berdurasi dua (2) jam bagi setiap sesi kepada pegawai-pegawai JPPM. Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ADR dalam mengendalikan kes pemuangan kerja.

Jadual 8 : Butiran Program *Executive Talk* Tahun 2023

29 Mac 2023	Analisa Award Mahkamah Perusahaan ..... Penceramah <b>En. Zun Bin Rawi</b>	29 Mac 2023	Pilihan keputusan award Mahkamah Perusahaan ..... Penceramah <b>En. Zun Bin Rawi</b>	21 Sept 2023	Pengenalan Sistem EMSC Modul Pemecatan ..... Penceramah <b>Pn. Suriza binti Sulaiman</b>
21 Sept 2023	Analisa Award Mahkamah Perusahaan ..... Penceramah <b>En. Zun Bin Rawi</b>	21 Sept 2023	Pilihan keputusan award Mahkamah Perusahaan ..... Penceramah <b>En. Zun Bin Rawi</b>	21 Sept 2023	Pemahaman mengenai jenis-jenis pemberhentian ..... Penceramah <b>Pn. Aziza binti Haji Mohd Zain</b>

## NAZIRAN KES PEMULIHAN KERJA

Pemantapan tahap kemahiran dan pengetahuan pegawai tentang ADR perlu diberi penekanan dan perhatian secara berterusan. Dengan kemahiran dan pengetahuan yang ada, pegawai dapat mengendalikan rundingan damai dengan berkesan dan seterusnya meningkatkan penyelesaian kes pemulihan kerja di bawah Seksyen 20 Akta 177.

Objektif naziran adalah seperti berikut:

- mengenalpasti tahap pematuhan ke atas sasaran kerja tahunan yang telah ditetapkan;
- memastikan pengendalian rundingan damai dijalankan adalah mengikut SOP yang telah ditetapkan;
- menambahbaik dan menyelaraskan proses kerja pengendalian kes-kes representasi pemulihan kerja;
- mendapatkan maklum balas mengenai isu dan masalah yang dihadapi berkaitan proses kerja kes-kes representasi pemulihan kerja;
- mengetahui kaedah rundingan damai yang berkesan untuk diaplikasikan; dan
- menambahbaik elemen pengauditan (borang audit) berdasarkan input yang dikumpul.

Naziran dikendalikan oleh tiga (3) kumpulan pegawai dari Ibu Pejabat sepertimana Jadual 9. Sebanyak 209 fail telah diaudit mengikut pemilihan kriteria fail iaitu kes kendalian kurang daripada 60 hari bagi tahun 2024 dan kes yang melebihi 100 hari melibatkan kes bagi tahun 2022 dan 2023.

Jadual 9 : Jadual Pelaksanaan Naziran Tahun 2023

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	➔	18 Oktober 2023
Melaka	➔	31 Oktober 2023
Perak	➔	1 November 2023
Pulau Pinang	➔	31 Oktober – 1 November 2023
Johor	➔	6 - 8 November 2023
Pahang	➔	15 – 17 November 2023

### 03 PENCAPAIAN AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA JPPM





## PENGENDALIAN KES PERTIKAIAN PERUSAHAAN

### PERTIKAIAN PERUSAHAAN

JPPM berperanan mengendalikan isu-isu pertikaian perusahaan yang timbul di antara majikan dan kesatuan sekerja pekerja.

Pertikaian perusahaan atau “trade dispute” ditakrifkan di bawah Akta 177 sebagai suatu pertikaian di antara majikan dengan pekerja-pekerjanya yang berhubung kait dengan pekerjaan atau bukan pekerjaan atau terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan atau keadaan tempat kerja. Justeru, peruntukan Akta 177 memberi kuasa kepada JPPM untuk mengendalikan isu-isu pertikaian sebagaimana berikut:

#### Aduan di bawah seksyen 8

Aduan mengenai pelanggaran hak pekerja, majikan dan kesatuan sekerja melibatkan perkara-perkara berikut:

- Hak untuk berkesatuan di bawah seksyen 4;
- Diskiriminasi dan sekatan terhadap pekerja atau ahli kesatuan di bawah seksyen 5;
- Intimidasi terhadap pekerja atau ahli kesatuan di bawah seksyen 7.

#### Pertikaian perusahaan di bawah seksyen 18

Sesuatu pertikaian perusahaan yang telah wujud atau dijangka akan berlaku boleh dilaporkan kepada KPPP oleh:

- Majikan yang terlibat dalam pertikaian atau kesatuan sekerja majikan-majikan yang mewakili majikan dalam pertikaian tersebut; atau
- Kesatuan sekerja pekerja-pekerja yang terlibat dalam pertikaian tersebut.

JPPM berperanan mengendalikan kejadian tindakan perusahaan seperti mogok, piket dan sekat masuk (lock out) agar ianya dapat memelihara keharmonian perusahaan negara.

Secara purata, pencapaian JPPM dalam pengendalian kes pertikaian perusahaan menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2022 iaitu 79 peratus. Bagi kes di bawah seksyen 8, peringkat penyelesaian sebanyak 15 peratus dicapai pada tahun 2023 iaitu 83 peratus berbanding 68 peratus pada tahun 2023. Bagi kes di bawah seksyen 18 pula, penyelesaian adalah sebanyak 80 peratus iaitu peningkatan satu (1) peratus berbanding tahun 2022. Walaupun begitu, pencapaian pengendalian kes di bawah seksyen 13 menurun kepada 75 peratus pada tahun 2023.

Jadual 10 : Pencapaian Pengendalian Kes Pertikaian Perusahaan Bagi Tahun 2021 hingga 2023

PENCAPAIAN PENGENDALIAN PERTIKAIAN PERUSAHAAN									
SEKSYEN	2021			2022			2023		
	KENDALI	SELESAI	%	KENDALI	SELESAI	%	KENDALI	SELESAI	%
<b>SEKSYEN 8</b>	35	31	89%	22	15	68%	23	19	83%
<b>SEKSYEN 13</b>	114	84	74%	126	108	86%	96	72	75%
<b>SEKSYEN 18</b>	259	222	86%	192	152	79%	227	182	80%

Bagi kaedah penyelesaian pula, kesemua kes di bawah seksyen 8, 13 dan 18 menunjukkan penyelesaian melalui kaedah runding damai adalah paling tinggi bagi

tahun 2023 dan tahun-tahun sebelumnya. Ini menunjukkan pegawai Jabatan mempunyai kemahiran runding damai yang baik bagi menyelesaikan pertikaian. (Jadual 11).

Jadual 11 : Cara Penyelesaian Pengendalian Pertikaian Perusahaan Bagi Tahun 2021 hingga 2023

CARA PENYELESAIAN PENGENDALIAN PERTIKAIAN PERUSAHAAN							
SEKSYEN	CARA PENYELESAIAN	2021		2022		2023	
		BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH	BIL	JUMLAH
<b>SEKSYEN 8</b>	RUNDING DAMAI	13		8		18	
	RUJUK MAHKAMAH PERUSAHAAN	9	<b>31</b>	4	<b>15</b>	1	<b>19</b>
	TIDAK DIRUJUK	9		3		0	
<b>SEKSYEN 13</b>	RUNDING DAMAI	48		77		55	
	RUJUK MAHKAMAH PERUSAHAAN	35	<b>84</b>	31	<b>108</b>	17	<b>72</b>
	TIDAK DIRUJUK	1		0		0	
<b>SEKSYEN 18</b>	RUNDING DAMAI	164		127		143	
	RUJUK MAHKAMAH PERUSAHAAN	38	<b>222</b>	22	<b>152</b>	39	<b>182</b>
	TIDAK DIRUJUK	20		3		0	

## TUNTUTAN PENGIKTIRAFAN

Sesebuah kesatuan sekerja mesti memperolehi pengiktirafan daripada majikan sebelum boleh mempelawa majikan untuk memulakan perundingan kolektif. Proses dan prosedur tuntutan pengiktirafan diperuntukkan di bawah seksyen 9 Akta 177. Manakala peruntukan seksyen 9(1A) adalah berhubung dengan aduan mengenai skop / kapasiti keahlian kesatuan sekerja.

Peruntukan seksyen 60 Akta 177 menetapkan penalti yang membawa hukuman penjara untuk tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau denda tidak melebihi RM5,000.00 atau kedua-duanya atas pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Akta tersebut; atau atas ketidakpatuhan terhadap apa-apa saman, perintah atau arahan yang diberikan atau dibuat di bawah Akta berkenaan.

Perlanggaran di bawah Peraturan-peraturan Perhubungan Perusahaan 2009 adalah seperti berikut:

Perenggan 6(b), apabila majikan atau kesatuan sekerja majikan gagal mengemukakan Borang B dalam tempoh 14 hari selepas penerimaan arahan atau mana-mana tempoh lain sebagaimana yang dinyatakan dalam tempoh arahan untuk memberi butir-butir pekerja terlibat dengan tuntutan pengiktirafan yang dibuat dan digajikan majikan, atau majikan masing-masing yang merupakan anggota kesatuan majikan, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada tarikh tuntutan dibuat.

Subperaturan 9(4) iaitu apabila majikan atau kesatuan sekerja majikan gagal meletakkan Salinan Notis Undi Sulit (Borang C) di tempat yang mudah dilihat di premis majikan berkenaan yang ditentukan oleh Ketua Pengarah selama tujuh (7) hari berturut-turut sebaik sebelum hari pembuangan undi sulit

Subperaturan 9(5) iaitu tiada seorang pun boleh mengalihkan, merosakkan atau memusnahkan undi sulit sehingga selepas undi sulit selesai

Subperaturan 8(2) iaitu tiada seorang pun majikan atau kesatuan sekerja boleh dalam apa-apa cara sekalipun menghalang pembuangan undi sulit

Kaedah Penyelesaian Tuntutan Pengiktirafan

- i. Mengadakan sesi libat urus bersama pihak majikan berhubung proses tuntutan pengiktirafan serta menyediakan senarai semak (checklist) kepada pihak kesatuan berhubung permohonan tuntutan pengiktirafan;
- ii. Pindaan akta dan peraturan isu kelayakan untuk mengurangkan tempoh masa 60 hari manakala tindakan pendakwaan kepada majikan yang dengan sengaja tidak mengemukakan Borang B dan Lampiran A.
- iii. Mengemaskini SOP Jabatan berkaitan proses tuntutan pengiktirafan;
- iv. Memastikan proses tuntutan pengiktirafan dilaksanakan mengikut Akta 177 dan Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 2009, pekeliling-pekeliling serta SOP Jabatan.



**PENCAPAIAN TUNTUTAN PENGIKTIRAFAN**

Pengendalian kes tuntutan pengiktirafan di bawah seksyen 9 Akta 177 merupakan salah satu aktiviti utama JPPM yang melibatkan proses undi sulit bagi menentukan peratusan keahlian kesatuan.

Jadual 12 : Pencapaian Pengendalian Kes Tuntutan Pengiktirafan Tahun 2021 hingga 2023

PENCAPAIAN PENGENDALIAN KES TUNTUTAN PENGIKTIRAFAN				
	TAHUN	KENDALI	SELESAI	PERATUS PENYELESAIAN
SEKSYEN 9	2021	146	129	88%
	2022	143	104	73%
	2023	116	94	81%

Berdasarkan Jadual 12, JPPM telah mengendalikan sebanyak 116 kes tuntutan pengiktirafan. Daripada jumlah keseluruhan tuntutan, sebanyak 94 tuntutan atau 81 peratus tuntutan diselesaikan berbanding tahun 2022 iaitu 73 peratus. Jadual 13 pula merujuk kepada kaedah penyelesaian kes tuntutan pengiktirafan.

Jadual 13 : Cara Penyelesaian Pengendalian Kes Tuntutan Pengiktirafan Tahun 2021 hingga 2023

CARA PENYELESAIAN	2021		2022		2023	
	BILANGAN KES	JUMLAH	BILANGAN KES	JUMLAH	BILANGAN KES	JUMLAH
PENGIKTIRAFAN SUKARELA	2		8		9	
PENGIKTIRAFAN ATAS KEPUTUSAN MENTERI	23		5		0	
KEPUTUSAN MENTERI TIDAK DIIKTIRAF	21		5		3	
PENGIKTIRAFAN ATAS KEPUTUSAN KP	0	129	13	104	15	94
KEPUTUSAN KP TIDAK IKTIRAF	0		28		25	
TUNTUTAN DITOLAK / TARIK BALIK / KESATUAN TIDAK LAYAK / DIBATALKAN	37		26		33	
LAIN-LAIN	46		19		9	

## PERJANJIAN KOLEKTIF

Pertikaian perusahaan melibatkan perjanjian kolektif dibahagikan kepada dua (2) isu iaitu:

- Keengganan memulakan perundingan perjanjian kolektif sama ada melibatkan perjanjian kolektif pertama ataupun pembaharuan perjanjian kolektif
- Kebuntuan dalam perundingan perjanjian kolektif merujuk kepada keadaan di mana pihak-pihak yang bertikai gagal mencapai persetujuan bersama terhadap artikel-artikel dalam perjanjian setelah melalui beberapa siri rundingan kolektif

Jadual 14 : Pengendalian Perjanjian Kolektif Bagi Tahun 2021 Hingga 2023

PERKARA	2021	2022	2023
Kes Terima	69	96	78
Kes Kendali	114	126	96
Kes Selesai	84	108	72
Peratus Penyelesaian (%)	73.68	85.71	75.00

Pada tahun 2023 JPPM telah mengendalikan sebanyak 96 kes yang melibatkan perjanjian kolektif dan sebanyak 72 kes atau 75 peratus berjaya diselesaikan (Jadual 14).

Cabaran dalam mengendalikan rundingan perjanjian kolektif adalah untuk mendapatkan persetujuan majikan dan kesatuan sekerja pekerja terhadap tuntutan dan cadangan yang ditawarkan. Bagi pihak majikan/kesatuan sekerja majikan, kemampuan kewangan syarikat merupakan faktor utama yang mempengaruhi penyelesaian artikel-artikel melibatkan faedah kewangan. Manakala bagi pihak kesatuan sekerja pekerja, tuntutan yang dikemukakan adalah berkaitan isu kebajikan dan faedah kepada pekerja menjadi keutamaan.

Pegawai runding damai perlu sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran agar cabaran semasa mesyuarat rundingan damai mengenai perjanjian kolektif dapat diatasi dan penyelesaian dapat dicapai.

## MEMPERKASAKAN AKTA 177

JPPM turut mengendalikan kes-kes permohonan semakan kehakiman serta menjalankan siasatan bagi tujuan pendakwaan terhadap pihak-pihak yang melanggar peruntukan di bawah Akta 177 serta peraturan-peraturan di bawahnya.

### SEMAKAN KEHAKIMAN

Semakan kehakiman (*judicial review*) merujuk kepada suatu proses di mana Mahkamah Tinggi menjalankan bidang kuasa pengawasan ke atas prosiding dan keputusan mahkamah yang lebih rendah, tribunal, badan-badan atau individu yang menjalankan fungsi kuasi kehakiman atau yang menjalankan tugas-tugas awam. Ia merupakan satu alternatif yang digunakan pihak-pihak yang terkilan untuk mencabar kesahan suatu proses membuat keputusan oleh pihak berkuasa awam.

Pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan oleh Menteri Sumber Manusia atau KPPP boleh membuat permohonan semakan kehakiman kepada Mahkamah Tinggi melalui peguam yang dilantik. Permohonan yang telah dimeterai oleh Mahkamah Tinggi akan dihantar ke Jabatan Peguam Negara yang kemudiannya akan dihantar kepada mana-mana pihak yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

Peruntukan di bawah Akta 177 yang boleh dicabar melalui permohonan semakan kehakiman adalah seperti berikut:

- i. Subseksyen 8(2) – merupakan peruntukan berhubung aduan yang difailkan oleh mana-mana pihak sama ada majikan, kesatuan sekerja majikan, pekerja atau kesatuan sekerja pekerja berhubung pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah seksyen 4, 5 dan 7;
- ii. Subseksyen 9(1D) – berhubung keputusan kepada kes-kes yang melibatkan isu skop dan kapasiti yang mana KPPP memutuskan sama ada mana-mana pekerja atau pekerja-pekerja yang diambil bekerja dalam bidang tugas pengurusan, eksekutif, sulit atau keselamatan;
- iii. Subseksyen 9(5) – merupakan keputusan berhubung tuntutan pengiktirafan sesebuah kesatuan sekerja ke atas sesebuah syarikat bagi mewakili pekerja-pekerja tertentu yang diambil bekerja;
- iv. Seksyen 13 – merupakan suatu proses perundingan berkenaan terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang akan diletakkan di dalam perjanjian kolektif
- v. Subseksyen 20(3) – merupakan keputusan KPPP berhubung representasi pemulihan kerja sama ada merujuk atau tidak merujuk ke Mahkamah Perusahaan Malaysia; dan
- . Subseksyen 26(2) – merupakan subseksyen yang memerlukan Menteri untuk membuat keputusan berhubung rujukan pertikaian di bawah seksyen 18.

Jadual 15: Bilangan Semakan Kehakiman Berdasarkan Kes Yang Telah Diputuskan Mengikut Peruntukan di Bawah Akta 177

	Bilangan Kes Yang Telah Diputuskan			Bilangan Semakan Kehakiman		
	2021	2022	2023	2021	2022	2023
Subseksyen 8(2)	18	7	1	0	1	0
Subseksyen 9(1D)	2	11	5	0	1	0
Subseksyen 9(5)	44	51	43	2	6	2
Seksyen 13	36	31	17	0	0	0
Subseksyen 20(3)	2,854	1,262	1,493	20	10	3
Subseksyen 26(2)	58	25	39	0	0	0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>3,012</b>	<b>1,387</b>	<b>1,598</b>	<b>22</b>	<b>18</b>	<b>5</b>

Bilangan permohonan semakan kehakiman terhadap kes-kes yang telah diputuskan berdasarkan Jadual 15 bagi tahun 2023 menunjukkan penurunan sebanyak 72.22 peratus berbanding tahun 2022. Ia juga merupakan bilangan permohonan semakan kehakiman yang terendah dalam tempoh 2021 hingga 2023. Sebanyak lima (5) permohonan semakan kehakiman diterima, yang mana tiga (3) merupakan peruntukan subseksyen 20(3) dan dua (2) melibatkan peruntukan subseksyen 9(5).

## SIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

JPPM turut mempunyai kuasa untuk mendakwa mana-mana pihak yang didapati melanggar peruntukan-peruntukan Akta 177 atau peraturan-peraturan di bawahnya. Jabatan akan menjalankan siasatan dengan membuka kertas siasatan terhadap aduan-aduan yang diterima. Kertas siasatan yang telah lengkap akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) bagi tujuan semakan dan penelitian bagi tujuan mendapatkan izin dakwa.

Kesalahan-kesalahan di bawah Akta 177 yang boleh dikenakan tindakan siasatan dan penguatkuasaan:

- i. Larangan mogok, sekat-masuk, piket dan menamatkan perkhidmatan sementara menunggu pengiktirafan kesatuan sekerja di bawah seksyen 10;
- ii. Intimidasi di bawah seksyen 39;
- iii. Piket di bawah seksyen 40
- iv. Mogok dan sekat-masuk di bawah seksyen 44, 45, 46, 47 & 48;
- v. Ketidapatuhan *Award* atau Perjanjian Kolektif di bawah seksyen 56;
- vi. *Union busting* di bawah seksyen 59; dan
- vii. Mana-mana kesalahan di bawah seksyen 60

Jadual 16 : Bilangan Kertas Siasatan Berdasarkan Jenis Kesalahan Bagi Tahun 2021 hingga 2023

Jenis Kesalahan	2021	2022	2023
Piket & Mogok (Seksyen 10, 40, 46, 47 & 48)	1	0	0
Intimidasi (Seksyen 39)	1	0	0
Ketidapatuhan <i>Award</i> Mahkamah Perusahaan (Seksyen 56)	3	9	9
<i>Union Busting</i> (Seksyen 59)	1	0	2
Penalti Am (Seksyen 60) Lain-lain kesalahan yang tidak dinyatakan secara khusus)	5	6	8
<b>Jumlah</b>	<b>11</b>	<b>15</b>	<b>19</b>

Berdasarkan Jadual 16 di atas, sebanyak 19 bilangan kertas siasatan telah dibuka bagi tahun 2023 menunjukkan peningkatan sebanyak 4 kes (26.67%) berbanding tahun 2022. Daripada 19 kertas siasatan tersebut, sembilan (9) melibatkan kes di bawah seksyen 56, lapan (8) kes di bawah seksyen 60 dan dua (2) kes di bawah seksyen 59. Seksyen 60 merupakan peruntukan yang digunakan bagi lain-lain kesalahan yang tidak dinyatakan secara khusus di bawah Akta 177.

# MELESTARIKAN KEHARMONIAN PERUSAHAAN

## PROGRAM

### CO-DETERMINATION

Berdasarkan Bab 10: Membangunkan Bakat Masa Hadapan dalam RMKe-12, penekanan diberi terhadap usaha untuk meningkatkan pampasan pekerja (*compensation of employees, CE*) kepada 40 peratus menjelang tahun 2025. Usaha ini dilaksanakan menerusi Strategi A1: Meningkatkan Kesaksamaan Pampasan Pekerja dan Penyertaan Tenaga Buruh melalui penyertaan pekerja dalam membuat keputusan (*co-determination*) di peringkat organisasi.

Bagi melaksanakan *co-determination*, JPPM telah menjalankan Kajian *National Industrial Harmony Index (IHI)* 2022 untuk


mendapatkan maklumat berhubung *co-determination* di Malaysia. Penemuan daripada kajian ini mendapati elemen-elemen *co-determination* yang diamalkan di syarikat semasa pandemik COVID-19 telah menjadi faktor penting kepada kelangsungan operasi syarikat dalam menghadapi keadaan sukar. Majikan dan pekerja didapati lebih bertolak-ansur apabila pihak pengurusan melibatkan pekerja dalam membuat keputusan harian secara lebih telus dan pantas. Perwakilan pekerja dalam pelbagai platform didapati berjaya meminimumkan konflik dan seterusnya telah menggalakkan semangat kekitaan yang membawa kepada kejayaan meneruskan operasi syarikat.



Rajah 15 : Elemen-Element Co-Determination Yang Diterapkan Dalam Organisasi

Negara Jerman yang menjadi penanda aras dalam IHI 2022 didapati telah mencapai kadar keharmonian perusahaan yang baik serta berstatus ekonomi negara maju. Negara ini juga merupakan rujukan utama dunia bagi amalan *co-determination* yang dikuatkuasakan melalui *Co-determination Act 1976*. Definisi *co-determination* di Jerman merujuk kepada amalan di mana pekerja mempunyai hak untuk mengundi wakil dalam lembaga pengarah dalam syarikat dan hak perwakilan dalam majlis kerja mengenai isu di tempat kerja mereka. Undang-undang itu membenarkan pekerja memilih wakil untuk hampir separuh daripada ahli lembaga pengarah.

Definisi *co-determination* dalam konteks di Malaysia pula merujuk kepada aktiviti formal atau tidak formal di antara pihak pekerja dan pihak pengurusan dengan mengamalkan elemen-elemen perwakilan, keputusan bersama, bertimbang rasa, telus, proaktif dan bertanggungjawab semasa melaksanakan aktiviti tersebut. Amalan ini boleh dilaksanakan di peringkat organisasi melalui dua (2) kaedah iaitu perundingan kolektif dan kolaborasi.



Rajah 16 : Kepentingan Amalan Co-determination

Sebanyak 13 program khusus berkaitan *co-determination* telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 oleh JPP Negeri. Selain itu, aktiviti *co-determination* turut dilaksanakan melalui 14 program keharmonian perusahaan yang dijalankan oleh Ibu Pejabat JPPM bersama JPP Negeri.



Rajah 17: Bilangan program co-determination dan keharmonian perusahaan

## LAWATAN CO-DETERMINATION

JPPM telah menganjurkan lawatan *co-determination* ke Tenaga Nasional Berhad (TNB) Gerik, Perak dan YTL Cement, Chemor, Perak pada 10 hingga 12 Oktober 2023. Program ini bertujuan untuk mempromosi amalan *co-determination* kepada syarikat-syarikat berkenaan melalui kolaborasi di antara pekerja dan pihak pengurusan dalam pelbagai aktiviti syarikat sama ada secara formal atau tidak formal. Seramai 24 orang pegawai Ibu Pejabat, JPP Selangor dan JPP Perak terlibat dalam lawatan ini.

Peserta berpeluang mengunjungi beberapa kawasan operasi syarikat TNB iaitu stesen-stesen Janalektrik Sungai Perak, Empangan Bersia dan Empangan Temenggor serta kilang pemprosesan simen iaitu YTL Cement (Kanthan).

Program ini memberi pendedahan secara langsung kepada pegawai-pegawai JPPM mengenai cabaran serta kaedah majikan dalam memelihara keharmonian dan kesejahteraan pekerja di lokasi pekerjaan yang terpencil dan keadaan tempat kerja 3D (*Dirty, Dangerous and Difficult*).

Program ini juga mampu membantu menerapkan kefahaman kepada syarikat yang dilawati berhubung amalan *co-determination* di tempat kerja mengikut Garis Panduan *Co-determination* yang diperkenalkan oleh JPPM. Dapatan yang diperolehi daripada program ini akan digunakan sebagai penandaarasan untuk amalan *co-determination* kepada syarikat-syarikat lain dalam sektor yang sama. Program ini akan diperluaskan kepada sektor-sektor lain.

## SIMPOSIUM

### KEHARMONIAN PERUSAHAAN TAHUN 2023

Simposium Keharmonian Perusahaan merupakan salah satu program di bawah Pelan Tindakan Keharmonian Nasional (PETIK) bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pihak majikan berhubung peranan Jabatan dalam mengekalkan keharmonian perusahaan. Selain itu, program ini dapat meningkatkan kesedaran majikan dan pekerja serta kesatuan sekerja pekerja tentang hubungan majikan-pekerja di samping meningkatkan kepatuhan kepada undang-undang

berkaitan pekerjaan dan perhubungan perusahaan.

Program ini bermatlamat sebagai platform perkongsian idea mengenai isu dan cabaran pihak majikan serta pekerja dalam memelihara keharmonian perusahaan di tempat pekerjaan. Hasil daripada simposium ini telah memberi impak positif kepada pemegang taruh bagi meningkatkan hubungan keharmonian majikan-pekerja



Jadual 17: Butiran Penganjuran Simposium Keharmonian Perusahaan Tahun 2023

Tarikh	Tempat	Penceramah Jemputan	Perasmi	Penyertaan
4 Julai 2023	Hotel Ames, Melaka	<ul style="list-style-type: none"> <li>Puan Zainab binti Kamar Pengarah Bahagian Perundangan</li> <li>Encik Kamarul Baharin bin Mansor Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia</li> <li>Encik Shahrom bin Tumin <i>Head Human Resource Manager</i> STMicroelectronics Sdn. Bhd.</li> <li>Prof. Dr. Kamal Halili bin Hassan Mantan Dekan Fakulti Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia</li> </ul>	Timbalan Menteri Sumber Manusia	168 peserta
13 Julai 2023	Casuarina Hotel, Meru, Perak	<ul style="list-style-type: none"> <li>En. Mohd Majdhan Bek bin Abd Wahid, Ketua Penolong Pengarah, JPP Perak</li> <li>Tuan CR Selva Peguambela dan Peguamcara</li> <li>Yang Arif Tuan Paramalingam A/L J. Doraisamy Pengerusi Mahkamah Perusahaan Kuala Lumpur</li> </ul>	Menteri Sumber Manusia	161 peserta
5 Oktober 2023	Pacific Sutera Hotel, Kota Kinabalu, Sabah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Puan Zainab Kamar, Pengarah Perundangan JPPM</li> <li>Encik Mohd Airy Airin Pengerusi MTUC Cawangan Sabah</li> <li>Dr. Dzulzalani Eden Senior Consultant MEF, Cawangan Sabah</li> </ul>	YB Datuk Haji Ruslan bin Muharam Pembantu Ketua Menteri Sabah	199 peserta

## BENGGKEL

### PERANCANGAN PROGRAM PETIK BAGI TAHUN 2024

Bengkel Perancangan Program PETIK bagi Tahun 2024 telah diadakan pada 15 hingga 17 November 2023 di Tasik Villa International Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Bengkel ini dihadiri oleh seramai 24 orang Ahli Jawatankuasa Tindakan Pembangunan (JTP) JPPM yang telah dilantik bertujuan untuk merangka serta merancang program pelaksanaan PETIK bagi tahun 2024.

